

Tiada rombakan besar, hanya isi beberapa kekosongan jawatan - PM

Siapa menteri baharu?

Oleh NURAINA HANIS ABD. HALIM
hanis.halim@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Tiada rombakan Kabinet secara besar-besaran, sebaliknya hanya mengisi kekosongan membabitkan beberapa jawatan menteri.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, me-

mang terdapat keperluan bagi mengisi kekosongan beberapa jawatan menteri.

"Kita perlu isi beberapa kekosongan kerana ada keperluan tetapi Kabinet ini hanya akan berfungsi satu tahun setengah.

"Jadi, saya tidak fikir akan ada rombakan besar. Saya sedang merenung apa langkah-

langkah perlu diambil," katanya selepas Majlis Perasmian Kenderaan Elektrik (EV) Pertama Perodua di sini semalam.

Tiga menteri yang meletakkan jawatan ialah Datuk Seri Rafizi Ramli (bekas Menteri Ekonomi), Nik Nazmi Nik Ahmad (bekas Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam) dan Da-

tuk Ewon Benedick (bekas Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi).

Selain itu, Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz akan tamat tempoh sebagai ahli Dewan Negara minggu ini.

Bersambung di muka 3